

Skim Biasiswa Internship Tun Dr Mahathir Mohamad Unisel Website

Tiga Mahasiswi, Farahani Mohammed Zakaria, Nurul Nadiah Begum Sahabuddin Khan dan Azalea Ahmad Kushairi kesemuanya daripada jurusan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) berjaya memperoleh GPA 3.8 ke atas. Mereka menerima Cek berjumlah RM1,000 dan sijil penghargaan.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat UNISEL, Rosniza Mohammad Rasol, setakat ini lima Mahasiswa UNISEL telah berjaya mendapat pengiktirafan Kerajaan Selangor kerana prestasi cemerlang sepanjang pengajian.

“Adalah diharapkan kejayaan mereka akan menjadi inspirasi kepada Mahasiswa dan Mahasiswi UNISEL lain untuk bersaing secara sihat dalam mencapai kejayaan.

“Serta meletakkan nama UNISEL sebagai hub pendidikan unggul serta pilihan utama rakyat negara ini dan luar negara,” kata Rosniza dalam kenyataan medianya.

Copyright © 2013 UNISEL | Universiti Selangor.

Source: <http://www.unisel.edu.my/home/our-stories/our-achievement/114-skim-biasiswa-internship-tun-dr-mahathir-mohamad>